

# Tafsiran demokrasi berbeza antara negara

HARARE, Jumaat — Datuk Jeri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa pengertian demokrasi tidak boleh dibuat dengan satu tafsiran sahaja kerana ia berbeza antara satu negara dengan yang lain.

Perdana Menteri menerangkan demokrasi berkembang mengikut masa sehingga mencapai satu tahap yang diamalkan oleh negara maju sekarang.

Apa yang penting, menurut Perdana Menteri, rakyat mesti ada kuasa mengundi untuk memilih atau menubuhkan kerajaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Kamal Jaafar, dalam taklimat kepada wartawan Malaysia, berkata Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berucap di Sesi Eksekutif Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) semalam.

Dalam sesi eksekutif CHOGM sejak dua hari lalu, isu hak asasi dan demokrasi menjadi topik yang hangat dibincangkan.

Ketua-ketua kerajaan yang

menghadirinya memberi tafsiran masing-masing dan cadangan untuk mempertingkatkan.

"Menurut Perdana Menteri, jika kita percaya kepada demokrasi, kita perlu menerima kaedah demokrasi iaitu jika tidak sebulat suara setidaknya tidaknya mengikut majoriti.

"Oleh itu, jika ada pihak hanya memikirkan kumpulan minoriti dan hak asasi persendirian ia berkemungkinan bukannya demokrasi yang kita jangkakan dan hanyalah demokrasi yang tidak memberi makna.

"Oleh itu, kita ingin menggalakkan demokrasi, kita perlu belajar memahami bahawa proses itu hanya boleh dilaksanakan secara perlahan-lahan.

"Malah demokrasi moden yang dicapai oleh Barat ketika ini hanya setelah melalui tempoh seratus tahun."

Ucapan Perdana Menteri menerima sambutan menggalakkan daripada ketua-ketua kerajaan Komanwel yang lain.

Datuk Ahmad Kamal berka-

ta, Perdana Menteri mempersoalkan bagaimana sesebuah negara yang tidak mengenali demokrasi menjadi demokratik dan mampu memberi rakyatnya semua perkara yang dijangkakan daripada demokrasi.

Menurutnya, dengan memberi contoh Malaysia, Perdana Menteri berkata ketika negara ini diperintah oleh penjajah, tidak ada demokrasi tetapi diperintah dari White Hall di bawah sistem yang *birokratik* dan *authoritarian*.

"Ketika menurunkan bendera British, kita diminta mengamalkan demokrasi bukan yang seratus tahun lalu tetapi demokrasi hari ini yang kita tidak mempunyai pengalaman."

Itu sebabnya apabila kebanyakan negara merdeka ingin mengamalkan demokrasi tetapi gagal melaksanakannya, mereka bertukar kepada pemerintahan lebih kurang seperti *authoritarian*.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata semua pihak perlu membantu negara seumpama itu.